

## RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat di sini.

Pastikan anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am polisi.

### Polisi Insurans Motor Pro (BUKAN TARIF)

#### (Polisi Komprehensif Baru dengan Perlindungan yang Ditambah Baik untuk Kereta Persendirian Anda)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### 1. Apakah tentang produk ini?

Insurans Motor Pro adalah produk insurans motor Komprehensif Kereta Persendirian bukan tarif untuk pemegang polisi individu.

Produk ini menyediakan perlindungan lanjutan untuk kecurian rugut, pengecualian lebih wajib untuk pemandu dibenarkan yang tidak dinamakan, had yang lebih tinggi untuk kos pembelaan undang-undang dan kerosakan separa akibat konvulsi alam, sebagai tambahan kepada perlindungan komprehensif tarif standard untuk kerosakan tidak sengaja, kebakaran, kecurian, kecederaan anggota badan dan kerosakan harta pihak ketiga.

#### 2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

Perbandingan ketara antara faedah/perlindungan yang disediakan dalam Motor Pro dan polisi Motor Komprehensif tarif adalah disenaraikan dalam jadual berikut:

No.	HURAIAN MANFAAT	FAEDAH / PERLINDUNGAN POLISI MOTOR PRO	FAEDAH / PERLINDUNGAN MOTOR KOMPREHENSIF TARIF
1.	<b>PERLINDUNGAN ASAS</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Liabiliti terhadap pihak ketiga akibat kecederaan, kematian &amp; kerosakan harta benda                     <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kecederaan Anggota Badan Pihak Ketiga – tiada had</li> <li>ii. Kerosakan Harta Benda Pihak Ketiga – Sehingga RM3juta</li> </ul> </li> <li>(b) Kerugian/Kerosakan pada kereta sendiri akibat kebakaran atau kecurian yang tidak disengajakan</li> <li>(c) Kerugian/Kerosakan pada kereta sendiri akibat kemalangan</li> </ul>	YA  YA  YA	YA  YA  YA
2.	<b>PERLINDUNGAN LAIN (BARU)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kerugian/Kerosakan pada kereta sendiri akibat banjir, gelinciran tanah atau konvulsi alam yang lain.</li> <li>(b) Lebihan wajib untuk pemandu dibenarkan yang tidak dinamakan, pemandu muda di bawah umur 21 tahun atau pemandu yang memegang lesen memandu Sementara (P) atau Pelajar (L).</li> </ul>	YA (RM15,000 atau 20% daripada jumlah Diinsuranskan Polisi, yang mana lebih rendah)  DIKECUALIKAN	TIDAK  YA (lebihan wajib sebanyak RM400 dikenakan)

	(c) Had kos pembelaan undang-undang untuk Orang yang Diinsuranskan atau pemandu dibenarkan terhadap sebarang pendakwaan awam yang berkaitan dengan penggunaan kereta	YA (RM15,000)	YA (RM2,000)			
	(d) Perlindungan kecurian rugut semasa menggunakan kereta	YA (RM1,000)	TIDAK			
3.	<b>PERLINDUNGAN PILIHAN MOTOR PRO DENGAN PREMIUM TAMBAHAN</b>					
Manfaat pilihan yang mungkin anda beli dengan bayaran premium tambahan adalah:						
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Kerana Perbuatan Cuai (Endorsmen 72)</li> <li>▪ Perlindungan untuk Cermin Depan / Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari (Endorsmen 89)</li> <li>▪ Liabiliti dari segi Undang-Undang terhadap Penumpang (Endorsmen 100)</li> <li>▪ Pampasan "Diskaun Tanpa Tuntutan" Tahun Semasa (Endorsmen 111)</li> <li>▪ Pengendorsan Perkhidmatan Tunda Tanpa Had Tambahan (Endorsmen D06C/D)</li> <li>▪ Tambah Nilai untuk Perlindungan Konvulsi Semula Jadi Secara Penuh (Endorsmen D022)</li> <li>▪ Pembayaran Balik Kos "Betterment" (Endorsmen D02A/B)</li> <li>▪ Elaun Kesulitan (Endorsmen D03A/B/C/D)</li> </ul>						
Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi kontrak untuk senarai penuh manfaat pilihan yang terdapat di bawah polisi ini.						
Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui insurans polisi anda setiap tahun.						
<p><b>Nota:</b> Adalah suatu kesalahan di bawah undang-undang Singapura untuk memasuki negara tersebut tanpa memberikan perlindungan liabiliti penumpang kepada insurans motor anda.</p>						

### 3. Berapakah premium yang harus saya bayar?

Premium yang dibayar adalah berdasarkan pelbagai faktor penarafan, seperti Jumlah Diinsuranskan#, Buatan dan Model Kenderaan, Keupayaan Enjin Kenderaan, Umur Pemegang Polisi, Jantina Pemegang Polisi, Negeri dan sebagainya. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza-beza bergantung pada kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) dan keperluan pengunderitan The Pacific Insurance Berhad.

#Nota: Amaun diinsuranskan adalah berdasarkan nilai pasaran semasa kereta anda berdasarkan rujukan kepada pangkalan data sistem penilaian kenderaan ISM-ABI.

Contoh:

Model Kenderaan	Amaun Diinsuranskan	Kereta Persendirian Komprehensif Standard	Motor Pro
		Premium Perlu Dibayar *	
Perodua Myvi	RM29,600	RM602.15	RM631.43
Nissan X-Trail	RM66,200	RM1,177.32	RM1,242.81

\* Nota: Premium perlu dibayar di atas adalah termasuk 55% NCD, Cukai Perkhidmatan yang berkenaan dan duti setem untuk tujuan ilustrasi sahaja. Premium untuk polisi individu berbeza mengikut Profil Risiko pemegang polisi.

### 4. Selain daripada premium dan Cukai Perkhidmatan yang berkenaan, apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

Komisen yang dibayar kepada ejen insurans: 10% daripada Premium Kasar

Duti Setem: RM10.00

### 5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

#### Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

#### **Kontrak Insurans Komersial**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

#### **Kepentingan Pendedahan**

Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti kemalangan yang berlaku sebelumnya dan pengubahsuaian pada enjin atau casis.

#### **Amaun Diinsuranskan**

Anda mesti memastikan bahawa kereta anda diinsuranskan pada Amaun Diinsuranskan yang sesuai.

Amaun Diinsuranskan adalah amaun maksimum yang akan kami bayar sekiranya kereta anda dicuri atau musnah akibat kejadian yang dilindungi. Terdapat 3 cara untuk menentukan Amaun Diinsuranskan untuk kereta anda:

##### **A. Fasal Nilai Dipersetujui (B087 / V087)**

Ini adalah amaun maksimum yang akan anda terima sebelum menolak Lebihan (jika ada) sekiranya kereta anda dicuri atau musnah.

##### **Bagaimana menginsuranskan kereta anda berdasarkan Fasal Nilai yang dipersetujui?**

- i. Umur kereta anda hendaklah di antara 0 tahun hingga 15 tahun;
- ii. Pembuatan/model kereta anda tidak termasuk dalam model yang kami kecualikan, seperti trak pikap atau kenderaan sport berprestasi tinggi;
- iii. Amaun diinsuranskan polisi anda adalah berdasarkan nilai pasaran yang diberikan oleh sistem penilaian pasaran ISM-ABI industri atau anda boleh memilih sebarang nilai dalam lingkungan Amaun Diinsuranskan yang disarankan dalam sistem tempat penjualan kami; dan
- iv. Amaun diinsuranskan mestilah dalam lingkungan RM15,000 sehingga RM1,000,000.

##### **B. Rujukan Sistem Penilaian Pasaran Kenderaan Bermotor (B113 / V113)**

Amaun Diinsuranskan kereta anda akan ditentukan oleh sistem penilaian pasaran ISM-ABI\* industri pada masa membeli polisi anda dan juga pada masa berlakunya kerugian.

##### **C. Nilai Pasaran (B114)**

Amaun Diinsuranskan berdasarkan nilai pasaran umumnya digunakan apabila penilaian pasaran kereta anda tidak tersedia dalam sistem ISM-ABI. Nilai pasaran pada amnya merujuk kepada kos yang berpatutan untuk membeli kereta lain yang sama buatan, model, umur dan keadaan umum yang serupa dengan kereta anda pada masa kerugian. Nilai pasaran dapat ditentukan oleh Ibu Pejabat pemegang francais kereta atau Adjuster yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

\* Pautan ke sistem ISM-ABI untuk pertanyaan mengenai nilai pasaran kenderaan: <https://www.mycarinfo.com.my/MarketValue>.

#### **Lebihan**

Ini adalah amaun kerugian yang anda harus tanggung sekiranya berlaku tuntutan dan Lebihan tersebut dinyatakan di dalam Jadual Polisi, jika ada.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.*

## **6. Apakah pengecualian penting dibawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu daripada atau melibatkan:

- (a) Kematian atau kecederaan anggota badan sendiri akibat kemalangan motor\*;
- (b) Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kereta anda\*;
- (c) Penggunaan komersial kereta anda\*;
- (d) Pemandu yang tidak berlesen memandu kereta anda;
- (e) Memandu di bawah pengaruh alkohol, dadah, atau bahan yang memabukkan;
- (f) Tuntutan palsu dan berlebihan;
- (g) Menggunakan kereta anda untuk tujuan yang menyalahi undang-undang;
- (h) Menggunakan kereta anda untuk sebarang pertandingan (selain acara mencari harta karun), perlumbaan, rali, perentak perlumbaan, ujian keandalan, ujian kelajuan atau di mana-mana litar \*;
- (i) Menggunakan kereta anda di luar had wilayah Malaysia kecuali jika dinyatakan sebaliknya \*;
- (j) Gagal mengambil langkah berjaga-jaga terhadap kerosakan tambahan selepas kemalangan;
- (k) Risiko peperangan (penaklukan, tindakan musuh luar negara, permusuhan atau operasi seakan-akan peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan ataupun tidak), perang saudara), Tindakan Keganasan, dahagi, pemberontakan atau revolusi; atau mogok, rusuhan atau kekacauan awam yang meningkat hingga boleh dikatakan sebagai suatu pemberontakan atau revolusi atau rampasan kuasa tentera;
- (l) Risiko nuklear; dan lain-lain.

\*Ini dapat diinsuranskan dengan menambah manfaat pilihan dengan pembayaran premium tambahan.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.*

## **7. Bolehkah saya membatalkan polisi?**

Anda boleh membatalkan polis anda dengan memberikan notis bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad. Selepas pembatalan, anda berhak mendapatkan sejumlah bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek seperti jadual di bawah, tertakluk kepada premium minima RM100.00 yang perlu dibayar di bawah polisi. Walau bagaimanapun, premium tidak akan dibayar balik jika suatu tuntutan telah dibuat terhadap polisi.

<b>Tempoh Insurans</b>	<b>Kadar Bayaran Balik Premium</b>
Tidak melebihi 1 minggu	87.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 1 bulan	75.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 2 bulan	62.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 3 bulan	50.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 4 bulan	37.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 6 bulan	25.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 8 bulan	12.5% daripada premium tahunan
Melebihi 8 bulan	Bayaran balik premium tidak dibenarkan

## **8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat atau butiran peribadi saya?**

Adalah penting bahawa anda memberitahu The Pacific Insurance Berhad tentang segala perubahan maklumat atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyerat anda tiba pada waktunya tepat.

## **9. Bagaimana saya membuat tuntutan?**

The Pacific Insurance Berhad mesti diberitahu secara bertulis bersama-sama huriaian terperinci dengan segera mungkin selepas kejadian yang mungkin menjadi bahan tuntutan di bawah polisi ini. Semua kemalangan mestilah dilaporkan kepada polis seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang. Setelah membuat laporan polis, kereta anda boleh dihantar ke mana-mana Bengkel pembaikan yang diluluskan seperti di bawah:

- (a) Bengkel membaiki motor dalam panel bengkel pembaikan yang diluluskan oleh kami;
  - (i) Kami akan memastikan bilangan bengkel membaiki motor yang diluluskan dalam panel kami adalah mencukupi untuk menyediakan akses yang munasabah dan mudah kepada anda;
  - (ii) Jika tiada panel bengkel membaiki motor yang diluluskan di mana-mana lokasi berdekatan sekiranya berlaku insiden, kami mungkin atas budi bicara kami memilih sama ada:
    - membantu anda mengakses bengkel membaiki motor yang terdekat dalam panel kami dan mengatur perkhidmatan menunda ke bengkel yang dipilih tanpa sebarang kos kepada anda; atau
    - membenarkan kenderaan yang rosak itu dibaiki di mana-mana bengkel pembaikan kemalangan berdekatan yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sebagaimana yang ditentukan oleh kami.

atau

- (b) mana-mana bengkel pembaikan lain yang kami telah memberikan kebenaran khas kepada anda untuk menggunakan. Keadaan di mana kebenaran khas boleh diberikan oleh kami termasuklah:
  - (i) tiada bengkel pembaikan yang diluluskan seperti yang dinyatakan di bahagian (a) di atas di lokasi kenderaan anda, dan kami tidak dapat membantu anda untuk mengakses bengkel membaiki motor yang terdekat dalam panel kami atau yang berdaftar dengan JPJ;

- (ii) pemberian yang memerlukan kepakaran khas daripada bengkel pemberian yang khusus yang tidak boleh disediakan oleh bengkel pemberian yang diluluskan; dan
- (iii) bengkel pemberian francais.

Sekiranya berlaku sebarang kerosakan atau pecah pada cermin, di mana penambahan cermin dilanjutkan, kereta anda boleh dihantar ke mana-mana kedai pemberian cermin, serta mana-mana bengkel pemberian yang diluluskan untuk dibaiki atau diganti.

**10. Apakah jenis perlindungan insurans motor lain yang terdapat di The Pacific Insurance Berhad?**

Jenis perlindungan insurans motor lain yang ada termasuk:

- (a) Polisi Komprehensif – tarif

**11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans motor, sila hubungi-

**The Pacific Insurance Berhad**

40.01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel: +603-2633 8999      Fax: +03-2633 8998      Talian Bebas Tol: 1800 88 1629  
Emel: [customerservice@pacificinsurance.com.my](mailto:customerservice@pacificinsurance.com.my)  
Laman Sesawang: [www.pacificinsurance.com.my](http://www.pacificinsurance.com.my)

**12. Pengakuan:**

Saya / Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya / kami.

TANDATANGAN: \_\_\_\_\_

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHWA KERETA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG BERPATUTAN KERANA IANYA AKAN MENJEJASKAN AMAUN YANG ANDA BOLEH TUNTUT. JIKA KERETA ANDA PADA WAKTU BERLAKUNYA KERUGIAN ATAU KEROSAKAN ADALAH KURANG DARI NILAI PASARANNYA, ANDA AKAN DIANGGAP SEBAGAI PENANGGUNG INSURANS SENDIRI UNTUK PERBEZAAN TERSEBUT DAN AKAN MENANGGUNG PERKADARAN SETIMPAL BAGI KERUGIAN ITU. WALAU BAGAIMANAPUN, INI TIDAK AKAN BERLAKU MELAINKAN NILAI PASARAN PADA MASA BERLAKUNYA KERUGIAN MELEBIHI NILAI DIINSURANSKAN SEBANYAK 10% ATAU LEBIH. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERUNDING DENGAN EJEN INSURANS ATAU HUBUNGI THE PACIFIC INSURANCE BERHAD TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan dalam risalah pemberitahuan ini sah pada **24 Julai 2025**.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.